



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Parlimen No. 784 Tahun 1968 (Semakan 2016)/ Act of Parliament No. 784 1968 (Revised 2016))

Ruj. Kami: PPM-48 (03)/2023

Tarikh: 11/1/2023

YBrs. Encik Bardin bin Uteh
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor

Tuan,

MAKLUM BALAS PENGANJURAN PROGRAM SCOUTSJB X LEGOLAND 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada tuan bertarikh 9 Januari 2023 (No. Ruj.: PPMNJ.600-1/2/2(56)) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Jawatankuasa Program Negara (JKPN) telah menerima permohonan kelulusan penganjuran program *ScoutsJB X Legoland 2023* daripada pihak tuan. Pihak PPM mengalu-alukan penganjuran program-program Pengakap oleh negeri-negeri PPM terutamanya dalam membantu merealisasikan hala tuju PPM.

3. Sehubungan dengan itu, pihak PPM melalui Jawatankuasa Program Negara mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran program berkenaan.

4. Maklum balas ini hanya untuk penganjuran program *ScoutsJB X Legoland 2023*. Program-program lain kelak, sekiranya memerlukan kebenaran atau perakuan kelulusan Pesuruhjaya Program Negara hendaklah dikemukakan kepada pihak JKPN, PPM.

5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh ditujukan kepada Encik Tang Tuck Mun, Lincoln (Setiausaha Program Negara) di talian [REDACTED] atau melalui e-mel di programpengakap@gmail.com.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam maklum balas ini kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”
“PENGAKAP MENTRANSFORMASIKAN GENERASI”

Yang menjalankan amanah,


AIZNIN SAIRI BIN SULAIMAN
Ketua Pegawai Operasi

s.k. :

1. YBhg Mejar Jeneral Profesor Dato' Dr Mohd Zin bin Bidin (Bersara)
Pemangku Ketua Pengakap Negara merangkap Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
2. YBrs. Tuan Haji Nasaruddin bin Haji Shamsuddin
Yang Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara merangkap Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
3. YBrs. Dr Mohammed Mukhyuddin bin Sarwani
Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
4. YBrs. Cik Norma binti Noordin
Pesuruhjaya Antarabangsa
5. YBrs. Dr Ekbert Yong Yen Loong
Pesuruhjaya Latihan Negara
6. YBrs. Encik Mohd Zairi bin Zaharin
Pesuruhjaya Program Negara
7. YBrs. Tuan Haji Ahmad Sabri bin Haji Saad
Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Profil Kepengakapan)
8. YH Dato' Elli bin Mohd Tahir
Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Pengurusan dan Tadbir Urus)
9. YBrs. Encik Tang Tuck Mun, Lincoln
Setiausaha Program Negara
10. YBrs. Encik Kamarulbashah bin Haji Hussin
Penolong Setiausaha Eksekutif, merangkap Pegawai Meja Bahagian Program